

MAJLIS PERJUMPAAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA BERSAMA WARGA ATM



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3535-majlis-perjumpaan-panglima-angkatan-tentera-bersama-warga-atm

KUALA LUMPUR, 7 Jun 18 – Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor telah mengadakan perjumpaan bersama pegawai dan anggota dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM di Auditorium Wisma Pertahanan hari ini bagi menyampaikan amanat sempena Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut nanti.

Dalam ucapan Panglima Angkatan Tentera, beliau mengingatkan kepada warga ATM yang hadir supaya mengutamakan aspek keselamatan semasa bercuti pulang ke kampung. Beliau juga menegaskan kepada anggota yang bertugas pada musim perayaan agar dapat melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan amanah.



